

BAHAGIAN A : 20 MARKAH**ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- | | | |
|------|----|--|
| CLO1 | 1. | Revolusi Industri 4.0 berkait dengan _____
A. mesin.
B. digital.
C. automasi.
D. Teknologi pintar dan digital. |
| CLO1 | 2. | Manakah antara berikut, BUKAN matlamat makroekonomi?
A. Kestabilan harga.
B. Guna tenaga penuh.
C. Pertumbuhan ekonomi.
D. Memaksima keuntungan. |
| CLO1 | 3. | Apakah hubungan di antara harga umum dan pendapatan benar/KNK benar pada keluk Permintaan Agregat?
A. Sifar.
B. Positif.
C. Langsung.
D. Sonsang dan negatif. |
| CLO1 | 4. | Bagaimanakah peningkatan dalam Perbelanjaan Pelaburan (<i>I</i>) oleh firma akan memberi impak kepada keseimbangan makroekonomi?
A. Keluk AD bergerak ke kiri.
B. Keluk AS bergerak ke kanan.
C. Keluk AD bergerak ke kanan.
D. Berlaku pergerakan sepanjang Keluk AD. |

- | | | |
|------|----|--|
| CLO1 | 5. | Apakah singkatan bagi Keluaran Dalam Negara Kasar?
A. KNB
B. KNK
C. KDNK
D. KNBHP |
| CLO1 | 6. | Keluaran Negara Bersih diperoleh dengan menolak _____ daripada Keluaran Negara Kasar.
A. bunga
B. faedah
C. susutnilai
D. pendapatan nominal |
| CLO1 | 7. | PFBLN merupakan singkatan bagi _____
A. Pendapatan Faktor Baru Luar Negara.
B. Pendapatan Faktor Bersih Luar Negara.
C. Pendapatan Fleksibel Baru Luar Negara.
D. Pendapatan Fleksibel Bersih Luar Negara. |
| CLO1 | 8. | Mengapakah ahli ekonomi berpendapat Keluaran Negara Bersih (KNB) adalah petunjuk yang lebih baik bagi mengukur aktiviti berbanding Keluaran Negara Kasar (KNK)?
A. KNB dikira pada harga pasaran.
B. KNB mengambil kira kesan luaran.
C. KNB mencerminkan corak pengagihan pendapatan yang lebih setara.
D. KNB mengambil kira susut nilai barangan modal yang digunakan dalam proses pengeluaran. |

Pendapatan purata penduduk-penduduk dalam sesebuah yang diterima oleh semua individu dalam sesebuah negara pada tahun tertentu.

- | | | |
|------|-----|--|
| CLO1 | 9. | Pernyataan di atas merujuk kepada _____
A. pendapatan benar.
B. pendapatan syarikat.
C. pendapatan per kapita.
D. pendapatan boleh guna. |
| CLO1 | 10. | Manakah antara berikut menjelaskan peningkatan dalam Pendapatan Benar Negara?
A. Penurunan dalam kos faktor.
B. Penurunan ekonomi jangka pendek.
C. Penurunan ekonomi jangka panjang.
D. Peningkatan dalam taraf hidup rakyat. |
| CLO1 | 11. | Wang merupakan sesuatu yang diterima umum sebagai alat _____ atau pembayaran kepada barang dan perkhidmatan.
A. spekulasi
B. tabungan
C. pertukaran
D. penawaran |
| CLO1 | 12. | Apakah ciri-ciri wang yang membolehkan pembayaran masa hadapan?
A. Sukar ditiru.
B. Nilainya stabil.
C. Mudah dibawa.
D. Diterima umum. |
| CLO1 | 13. | Permintaan wang dibahagikan kepada tiga tujuan utama. Yang manakah BUKAN merupakan tujuan permintaan wang.
A. Tujuan spekulasi.
B. Tujuan berjaga-jaga.
C. Tujuan transaksi harian.
D. Tujuan pelaburan jangka panjang. |

- Tujuan urus niaga
- Tujuan awasan
- Tujuan spekulasi
- Eksport negara itu meningkat

CLO1

14. Pernyataan di atas merujuk kepada _____

- A. Teori *Fisher*
- B. Teori *Keynes*
- C. Teori *Max Waber*
- D. Teori *Thaler & Shefrin*

CLO1

15. Belanjawan defisit ditakrifkan sebagai _____

- A. jumlah hasil kerajaan kosong.
- B. jumlah hasil kerajaan melebihi jumlah perbelanjaan kerajaan.
- C. jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.
- D. jumlah hasil kerajaan adalah sama dengan jumlah perbelanjaan kerajaan.

CLO1

16. Apakah yang merupakan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan individu?

- A. Duti eksport.
- B. Cukai pendapatan individu.
- C. Cukai keuntungan syarikat.
- D. Cukai pendapatan petroleum.

CLO1

17. Apakah jenis belanjawan yang berlaku apabila jumlah hasil kerajaan lebih daripada jumlah perbelanjaan kerajaan?

- A. Belanjawan defisit.
- B. Belanjawan lebihan.
- C. Belanjawan seimbang.
- D. Belanjawan mengurus.

CLO1

18. Manakah antara langkah berikut merupakan Dasar Kewangan Kuantitatif Menguncup yang bertujuan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara?

- A. Bank negara menjual surat-surat berharga kerajaan bagi menyekat bekalan wang.
- B. Kerajaan persekutuan meningkatkan perbelanjaan pembangunan untuk sektor sosial.
- C. Bank negara menurunkan kadar faedah dan kadar diskaun kepada bank perdagangan.
- D. Kerajaan menaikkan kadar cukai pendapatan syarikat untuk mengurangkan pendapatan boleh guna.

Tindakan Bank Negara untuk memastikan pinjaman lebih banyak diberikan kepada sektor industri kecil dan sederhana (IKS) atau pinjaman untuk membeli rumah kos rendah. Dasar kerajaan melalui Bank Negara (bank pusat) dalam mengawal bentuk pinjaman dan pelaburan bank-bank perdagangan.

CLO1

19. Pernyataan di atas merujuk kepada _____

- A. dasar fiskal.
- B. belanjawan negara.
- C. dasar kewangan kualitatif.
- D. dasar kewangan kuantatif.

CLO1

20. Mengapakah kerajaan mengamalkan dasar fiskal mengembang semasa krisis ekonomi?

- A. Untuk meningkatkan kadar faedah bagi mengawal inflasi
- B. Untuk mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam.
- C. Untuk mengurangkan permintaan agregat dan mengawal kenaikan.
- D. Untuk mengatasi masalah pengangguran dan meningkatkan permintaan agregat.

BAHAGIAN B: 60 MARKAH**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan berstruktur. Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1

- CLO1 (a) Nyatakan **EMPAT (4)** matlamat makroekonomi. [4 markah]
- CLO1 (b) Terangkan definisi :
(i) Tenaga buruh
(ii) Guna Tenaga [4 markah]
- CLO1 (c) Nyatakan **EMPAT (4)** faktor yang mempengaruhi keluk Permintaan Agregat (*AD*). [4 markah]
- (d) Jelaskan perubahan wang dalam mempengaruhi Permintaan Agregat (*AD*). [4 markah]
- (e) Huraikan **DUA (2)** faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran agregat (*AS*) ke sebelah kanan. [4 markah]

SOALAN 2

- | | | |
|------|---|------------|
| CLO1 | (a) Berikan definisi bagi item berikut :
(i) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
(ii) Pendapatan boleh guna
(iii) Harga Pasaran | [6 markah] |
| CLO1 | (b) Huraikan TIGA (3) masalah pengiraan pendapatan negara. | [6 markah] |
| CLO1 | (c) Berikan EMPAT (4) fungsi wang. | [4 markah] |
| CLO1 | (d) Jelaskan DUA (2) tujuan permintaan wang (Teori <i>Keynes</i>). | [4 markah] |

SOALAN 3

- | | | |
|------|--|------------|
| CLO1 | (a) “Sumber hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai ”
Terangkan DUA (2) jenis hasil cukai. | [4 markah] |
| CLO1 | (b) Bincangkan DUA (2) jenis belanjawan negara. | [4 markah] |
| CLO1 | (c) Huraikan DUA (2) jenis perbelanjaan kerajaan. | [4 markah] |
| CLO1 | (d) Jelaskan DUA (2) sumber hutang negara. | [4 markah] |
| CLO1 | (e) Terangkan DUA (2) alat dasar kewangan kuantitatif. | [4 markah] |

SOALAN TAMAT